



TEMBOK PENGHARGAAN: Menteri Pengangkutan Ong Ye Kung melihat Tembok Penghargaan di stesen MRT Kent Ridge semalam. – Foto BM oleh JASON QUAH

Portal kongsi keihsanan penumpang semasa perjalanan dilancar Sep

KOMUTER tidak lama lagi akan dapat berkongsi kisah-kisah kepedulian manusia yang telah mereka saksikan atau terima dalam perjalanan mereka, di portal dalam talian yang akan dilancarkan pada September.

Portal ini, yang merupakan salah satu rangkaian inisiatif baru oleh Jawatankuasa Komuter Caring SG, juga akan membolehkan penglibatan yang lebih berkesan mengenai cara membentuk budaya komuter yang inklusif, prihatin dan ramah.

Langkah baru ini diumumkan pada acara maya yang diadakan semalam sempena pembukaan tembok penghargaan di stesen MRT Kent Ridge.

Tembok itu, yang dicipta oleh para pelajar dari Kesatuan Mahasiswa Universiti Nasional Singapura (Nussu) bekerjasama dengan Jawatankuasa Komuter Caring SG, akan memberi peluang kepada para penumpang untuk menyampaikan pesanan penghargaan kepada para pekerja barisan hadapan dalam memerangi Covid-19.

Acara maya itu dihadiri oleh Menteri Pengangkutan Ong Ye Kung, pekerja pengangkutan awam dan kakitangan dari Hospital Universiti Nasional (NUH), serta pelajar yang mewakili Nussu.

Pek penjagaan yang antara lain menyertakan pembersih tangan, baucar makanan dan minuman dan makanan ringan telah dihanterai oleh jawatankuasa tersebut dan diterima

oleh pekerja dan kakitangan pengangkutan awam.

Encik Shaun Tan, naib presiden dalaman Nussu, berkata semasa acara maya bahawa Nussu memutuskan untuk memulakan inisiatif ini dengan jawatankuasa untuk menunjukkan sokongan, terima kasih dan kepedulian mereka kepada wira-wira barisan yang telah bekerja keras di belakang tabir.

"Kami ingin bekerjasama dengan Majlis Pengangkutan Awam untuk melihat bagaimana kami dapat mewujudkan budaya penyayang ini terhadap wira barisan hadapan kami, bukan sahaja di kalangan pelajar kami tetapi juga di kalangan pengguna awam.

"Tembok penghargaan masyarakat sebenarnya merupakan bahagian yang sangat istimewa dalam sejarah Nussu sebagai kami mempunyai inisiatif yang serupa semasa wabak Sars."

Cik Grace Ting, seorang jururawat kakitangan kanan dari NUH, memuji inisiatif tembok penghargaan dan berkata:

"Kami gembira kerana para pelajar terlibat dalam hal ini, berperanan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa pengangkutan awam bukan hanya untuk seseorang memanfaatkan dari bekerja ke rumah tetapi untuk semua orang berperanan dalam mewujudkan masyarakat yang inklusif di mana orang tua dan orang kurang upaya dapat melakukan perjalanan ke destinasi yang mereka inginkan."